

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(III)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

10. Masalah perniagaan-perniagaan tanpa permit di sekitar Jalan Mahsuri Bayan Baru telah lama berlanjutan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi kebenaran perniagaan untuk tempoh waktu tertentu kepada mereka yang terlibat ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Premis di sekitar Jalan Mahsuri, Bayan Baru terletak dalam zon Perumahan Tetap Sediada di bawah Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 1996. Di bawah pelan ini pertukaran kelas bangunan tanah dan bangunan kepada komersial adalah tidak dibenarkan. Sehubungan itu, pihak MBPP tidak dapat mengeluarkan lesen kepada pemilik premis untuk menjalankan perniagaan.

Pada masa kini, tiada sebarang garis panduan khusus yang membenarkan pertukaran kegunaan bangunan kediaman sedia ada kepada aktiviti komersial di sekitar Jalan Mahsuri, Bayan Baru. Oleh yang demikian, aktiviti komersial yang dijalankan di tapak pada masa ini adalah tidak sah kerana bercanggah dengan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MBPP tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk meneliti perkara ini memandangkan isu ini telah lama berlarutan dan memerlukan satu penyelesaian yang wajar.